

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 25 MAC 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 13

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1541-L13851
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah bangunan yang terbiar di sekitar ibu kota dan daripada jumlah tersebut, apakah usaha kerajaan dalam menyelesaikan isu bangunan terbiar ini.

2. PN-1541-L13690
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan Kementerian untuk memajukan Tasik Bera dan Tasik Chini yang merupakan tasik semulajadi terbesar dan kedua terbesar di Malaysia bagi menarik pelancong dari dalam dan luar negara.

3. PN-1541-L13749
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan mempertimbangkan untuk melaksanakan cukai caj kesesakan sekarang memandangkan isu sambungan First Mile dan Last Mile telah diselesaikan melalui perkhidmatan van transit atas permintaan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

4. PN-1541-L13381
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan dan kejayaan program-program yang telah dilaksanakan untuk menggalakkan pelajar-pelajar sekolah meminati subjek aliran STEM.

5. PN-1541-L13789

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk menangani masalah *e-waste* yang membimbangkan di mana berdasarkan kajian bahawa jumlah *e-waste* akan terus meningkat dan dijangka akan mencecah sebanyak 24.504 juta unit menjelang tahun 2025 ketimbang 17.065 juta unit pada tahun 2020.

6. PN-1541-L13826

Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

(a) tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membendung kehilangan bakat dan modal yang kritikal untuk pertumbuhan ekonomi masa hadapan dengan memperkenalkan insentif fiskal yang lebih menarik, memperbaiki struktur gaji dan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih dinamik bagi memastikan fenomena *brain drain* yang semakin membimbangkan dapat dikawal; dan

(b) Apakah strategi konkrit Kementerian bagi membendung aliran keluar modal insan disamping defisit akaun modal dan kewangan negara yang mencecah sebanyak RM7.5 bilion pada suku ketiga 2024.

7. PN-1541-L13812

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bilangan jumlah syarikat yang telah memohon lesen platform media sosial dan berapakah permohonan yang telah diluluskan.

8. PN-1541-L13215

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah kejayaan yang telah dicapai setakat ini dalam projek penanaman 100 juta pokok dan bagaimanakah kerjasama rentas Kementerian dilaksanakan bagi memastikan kejayaan program ini.

9. PN-1541-L13602

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan perkembangan terkini mengenai kerangka Program AI untuk Rakyat serta penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam Penyampaian Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi tahun 2025.

10. PN-1541-L13559
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan penjelasan kekurangan bekalan kelapa dalam negara yang merekodkan penurunan ketara sejak 30 tahun lalu dan apakah persediaan yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan negara tidak mengalami krisis bekalan kelapa pada masa akan datang.
11. PN-1541-L13767
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan holistik Kerajaan untuk menangani cabaran kesihatan awam seperti penyakit tidak berjangkit yang semakin meningkat, tekanan terhadap sistem penjagaan kesihatan dan kos ubat-ubatan yang kian melambung.
12. PN-1541-L13279
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah dasar-dasar utama yang dipegang teguh oleh Kementerian dalam penyediaan infrastruktur fizikal negara dan apakah inisiatif baharu yang telah diperkenalkan oleh Kementerian untuk meningkatkan keberkesanan dan efisiensi dalam pelaksanaan projek-projek.
13. PN-1541-L13299
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha Kementerian memastikan kesedaran belia tentang pentingnya ekonomi mampan dan menjadi ejen perubahan untuk mengamalkan gaya hidup aktif dalam aktiviti perniagaan, tenaga boleh diperbaharui, pertanian lestari, teknologi hijau dan industri khususnya industri PKS.
14. PN-1541-L13157
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
 - (a) berapakah jumlah pusat asuhan kanak-kanak yang diwujudkan di premis dan jabatan Kerajaan bagi ibu bapa yang bekerja serta usaha untuk memperkasakan program tersebut; dan
 - (b) apakah usaha Kementerian dalam menangani kes penderaan bayi dan kecuiaan di pusat tersebut supaya sentiasa dipantau dan tindakan wajar dapat diambil.

15. PN-1541-L13422

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah penganjuran Kem Perpaduan Anak Malaysia yang telah dilaksanakan pada tahun 2024 mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian, dan bagaimana Kementerian merancang untuk melibatkan lebih ramai pemegang taruh dalam pelaksanaannya pada masa akan datang.

16. PN-1541-L13185

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah terdapat usaha untuk menambah jumlah Balai Bomba Mini di kawasan pedalaman yang jauh dari pusat daerah, memandangkan banyak kes kebakaran tidak dapat diselamatkan akibat jarak Balai Bomba yang terlalu jauh.

17. PN-1541-L13424

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian dalam menghasilkan lebih banyak tayar mesra alam dan produk hijau getah untuk kekal maju serta meningkatkan industri getah asli negara.

18. PN-1541-L13579

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah keselamatan yang dirancang oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa pembentukan Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ) tidak menjejaskan keselamatan dan kedaulatan negeri Johor; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan memastikan bahawa peningkatan aliran manusia dan barangan melalui JS-SEZ tidak membawa kepada peningkatan aktiviti jenayah rentas sempadan.

19. PN-1541-L13736

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jika insentif atau pelepasan cukai akan disediakan untuk menyokong peningkatan kos perniagaan dengan pelaksanaan dasar latihan baru, terutamanya untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

20. PN-1541-L13479

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah kemunculan platform AI dari China, Deepseek, yang boleh beroperasi dengan hanya menggunakan cip berkuasa rendah dan lebih murah berbanding model AI lain, berpotensi merencatkan pelaburan syarikat-syarikat gergasi asing seperti pelaburan RM20 bilion yang diumumkan oleh NVIDIA.

21. PN-1541-L13547

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelaksanaan Pekeliling Pelaksanaan Kenaikan Pangkat Secara *One-off* bagi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 9, Gred 10, dan gred di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA), adakah JPA turut mempertimbangkan kenaikan pangkat bagi penjawat awam berstatus OKU serta mereka yang telah lama berkhidmat agar mereka juga dapat menikmati manfaat yang sama seperti penjawat awam lain di bawah pekeliling tersebut.

22. PN-1541-L13537

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah syarikat yang memohon untuk mengendalikan Perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) dan bagaimanakah Kementerian memilih dan melantik syarikat-syarikat yang diumumkan baru-baru ini.

23. PN-1541-L13715

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kerajaan dalam memastikan penggunaan teknologi AI secara beretika dalam sektor kritikal serta bagaimana latihan tempatan yang khusus disediakan.

24. PN-1541-L13197

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah program-program yang disediakan untuk mengelakkan rakyat tidak tertipu atau terkeliru dengan maklumat-maklumat yang disediakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan kecerdasan buatan (AI) untuk menyampaikan maklumat palsu yang semakin sukar dibezakan dengan maklumat sebenar atau sah.

25. PN-1541-L13315
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian menangani ancaman bukan konvensional seperti serangan siber atau propaganda yang boleh menggugat kestabilan negara susulan pendirian Malaysia dalam isu Gaza.
26. PN-1541-L13324
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyerahkan kuarters yang tidak digunakan kepada pihak lain seperti agensi Kerajaan atau komuniti setempat bagi tujuan yang lebih bermanfaat.
27. PN-1541-L13242
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam membantu Syarikat Beras Dibuk Sdn. Bhd di Perlis yang akan menamatkan operasi kilang beras setelah berpuluh-puluh tahun beroperasi akibat daripada pelbagai punca seperti harga padi dan harga beras yang tidak menentu serta persilangan dalam perniagaan.
28. PN-1541-L13291
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jaminan Kerajaan dan mekanisme pengawasan yang jelas untuk memastikan transformasi penswastaaan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada konsortium dapat menjamin keselamatan dan kedaulatan negara, serta pemantauan Kerajaan bagi memastikan tidak berlaku sebarang kelemahan dalam aspek pengawasan, pemeriksaan, keselamatan dan tindakan kecemasan.
29. PN-1541-L13891
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah untuk mengkaji, mewartakan dan menjadikan tapak-tapak Perang Dunia Kedua di negara ini sebagai warisan sejarah negara.
30. PN-1541-L13493
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang status kedudukan warganegara Syria yang dibawa ke negara ini atas dasar perlindungan memandangkan keadaan politik di Syria yang lebih stabil sekarang ini berbanding ketika negara Syria dilanda peperangan pada satu ketika dulu dan adakah Kementerian akan menghantar pulang warganegara Syria ini kembali ke negara asal mereka dalam masa terdekat.

31. PN-1541-L13259

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan merealisasikan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Nabalau seperti yang telah dijanjikan memandangkan peruntukan Kementerian dalam belanjawan 2025 meningkat dari RM58.7 bilion pada tahun 2024 kepada RM 64.1 billion dan apakah perancangan serta pelaksanaan konkrit bagi memastikan projek ini dapat dimulakan dan disiapkan.

32. PN-1541-L13774

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan yang telah diambil untuk memasukkan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI), keselamatan siber dan data analitik ke dalam kurikulum institut pengajian tinggi (IPT) dan adakah IPT berkolaborasi dengan syarikat-syarikat teknologi untuk membangunkan dan memperhalusi program akademik tersebut.

33. PN-1541-L13654

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana Kementerian menangani masalah perjudian dalam talian di kalangan masyarakat luar bandar Sarawak dan adakah tangkapan pernah dilakukan.

34. PN-1541-L13676

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) kadar pendermaan organ di Malaysia untuk 5 tahun terakhir berbanding 3 negara dengan kadar kejayaan pendermaan tertinggi di dunia; dan
- (b) berapakah jumlah pengikrar penderma organ dalam tempoh lima tahun terakhir yang tidak berjaya mendermakan organ mereka akibat ketiadaan persetujuan daripada waris.

35. PN-1541-L13349

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pelan tindakan untuk memperluas pengajian kecerdasan buatan di universiti tempatan selaras dengan Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara yang akan berakhir tahun ini.

36. PN-1541-L13337
Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membuka cawangan Institut Kanser Negara di Sabah bagi memastikan pesakit kanser di negeri yang berpopulasi lebih 3 juta ini mendapat akses kepada rawatan moden dan kepakaran dalam bidang rawatan kanser, seperti *targeted therapy* tanpa perlu ke Semenanjung Malaysia.
37. PN-1541-L13508
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha Kementerian menggalakkan sukan tradisional seperti gasing, sepak takraw dan wau di Kedah sebagai sebahagian daripada pelestarian budaya dan penglibatan belia dalam aktiviti komuniti.
38. PN-1541-L13535
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah KEMAS merancang untuk memperkasa dan meningkatkan kemahiran guru-guru tadika di bawah naungannya agar mereka dapat memberikan pendidikan yang lebih berkualiti kepada anak-anak daripada keluarga B40 .
39. PN-1541-L13459
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan data atau statistik terkini yang dimiliki oleh Kementerian mengenai kesan kecerdasan buatan (AI) terhadap pekerjaan sedia ada, terutamanya dalam sektor perkhidmatan yang dijangka menghadapi risiko kehilangan pekerjaan seperti pelayan restoran, pegawai kaunter perkhidmatan penerbangan, pelayan tetamu hotel dan juruwang.
40. PN-1541-L13834
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan pengurusan dan operasi sekolah dikendalikan oleh Kerajaan negeri dengan peruntukan yang mencukupi, memandangkan beberapa negeri telah mempunyai sistem sekolah sendiri seperti Sekolah Bangsa Johor dan Sekolah Kebangsaan Yayasan Sarawak.
41. PN-1541-L13471
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah sumber tenaga boleh diperbaharui (renewable energy) dapat digerakkan dan digunakan sebagai agenda untuk merancakkan lagi pembangunan luar bandar.

42. PN-1541-L13334

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf kuarters kakitangan polis kerana terdapat kuarters kakitangan yang dilihat dalam keadaan uzur dan perlu dinaik taraf dan ini merupakan satu keperluan kebajikan yang perlu dijaga kerana ia turut menyumbang kepada kualiti tugas perkhidmatan mereka.

43. PN-1541-L13271

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan dasar luar negara Malaysia kekal seimbang dan tidak terpengaruh oleh tekanan politik dari kuasa besar dan apakah strategi Kerajaan untuk memperkukuhkan kedudukan Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Organisation of Islamic Cooperation (OIC) dan Association of Southeast Asian Nations (ASEAN).

44. PN-1541-L13571

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan pendirian Kerajaan dalam hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala dengan Amerika Syarikat dalam situasi ketegangan geopolitik dunia dan usaha Kerajaan bagi memastikan Malaysia tidak dikenakan tarif 100 peratus susulan penyertaannya dalam BRICS.

45. PN-1541-L13614

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah bantuan khusus untuk petani dan penternak yang terjejas akibat bencana seperti banjir.

46. PN-1541-L13790

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah inisiatif yang telah dilaksanakan untuk menyesuaikan dan memitigasi kesan perubahan iklim terutama di kawasan luar bandar dan tempat-tempat di bandar yang terdedah kepada bencana alam akibat perubahan iklim.

47. PN-1541-L13205

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) status terkini projek pembinaan jalan raya luar bandar terutamanya projek menaik taraf jalan balak yang tidak digunakan lagi oleh syarikat pembalakan yang menghubungkan Pusat Penempatan Semula Metalun dan Tegulang dengan dunia luar; dan
- (b) berapakah kos pembinaan jalan ini dan bilakah pembinaan dijangka akan siap.

48. PN-1541-L13230

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah agresif yang telah diambil oleh Kementerian bagi membendung penularan penggunaan vape dan rokok elektronik dalam kalangan pelajar yang direkodkan semakin meningkat dari tahun ke tahun yang mengakibatkan peningkatan masalah sosial dalam kalangan remaja.

49. PN-1541-L13369

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah holistik yang diambil oleh Kementerian dalam menangani dan menyantuni golongan warga emas, selaras dengan negara yang sedang menuju ke arah masyarakat menua (Ageing Society).

50. PN-1541-L13775

Senator Puan Noorita binti Sual minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi dan pelan tindakan Kerajaan bagi memastikan perjalanan proses Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah yang akan datang berjalan dengan telus dan adil.

51. PN-1541-L13357

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pelan strategik khusus yang dirangka untuk menangani isu kemiskinan di negeri Kedah.

52. PN-1541-L13451

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menjadikan MyFutureJobs sebagai platform bank padanan pekerjaan terbesar untuk rakyat mencari pekerjaan secara menyeluruh.

53. PN-1541-L13137

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kes penderaan OKU di seluruh negara sehingga 31 Disember 2024 dan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani kes penderaan OKU.

54. PN-1541-L13714

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) jumlah pusat Sebaran Maklumat Nasional NADI yang ditubuhkan di Pahang khususnya di perkampungan Orang Asli; dan
- (b) apakah Kementerian merancang untuk mewujudkan lebih banyak pusat NADI khususnya di perkampungan Orang Asli.

55. PN-1541-L13645

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan fokus yang lebih yakin dan terarah oleh Tabung Haji dalam meningkatkan prestasi dividen 3.1%, selari dengan usaha meminimumkan perbelanjaan operasi serta menyesuaikan tanggungan emolumen staf mengikut kompetensi dan keupayaan pengalaman ikhtisas mereka.

56. PN-1541-L13177

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status operasi cegah rintang berpadu di perairan Timur Sabah dan impaknya kepada keselamatan bagi meneruskan mobilasi ekonomi di kawasan tersebut. Hal ini kerana, masih terdapat 14 buah negara belum menarik notis nasihat kepada warganya yang bercuti di Malaysia agar tidak pergi ke kawasan pantai timur Sabah.

57. PN-1541-L13758

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah Malaysia menguruskan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan Amerika Syarikat (AS) selepas perubahan pucuk pimpinan AS beserta kemungkinan kembalinya dasar agresif Presiden Trump yang boleh mengancam kestabilan geopolitik dan ekonomi global. Apakah strategi Malaysia dalam memastikan kepentingan ekonomi dan keselamatan negara tidak terjejas.

58. PN-1541-L13642
Senator Dato' Sri Vell Paari a/I Tun Samy Vellu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah inisiatif yang sedang dilaksanakan bagi memastikan pekerja sektor gig seperti pemandu e-Hailing dan penghantar makanan mendapat perlindungan sosial yang mencukupi termasuk faedah perubatan dan insurans.
59. PN-1541-L13883
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah konkrit yang diambil untuk pemulihan syarikat rangkaian makanan segera milik warganegara yang terkesan akibat berkait dengan syarikat induk di luar negara yang terikat dengan isu genosid di Palestin.
60. PN-1541-L13863
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Malaysia berkenaan kenyataan Presiden US, Donald Trump yang mahu memindahkan kesemua penduduk Gaza ke negara lain serta apakah peranan Malaysia di peringkat PBB, OIC dan Kumpulan The Hague bagi menghalang perancangan US tersebut direalisasikan.
61. PN-1541-L13120
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasuah adalah musuh utama negara dan salah satu mekanisme mengurangkan masalah integriti ini adalah melalui perundangan. Bilakah Rang Undang-undang Ombudsmen akan dibentangkan.
62. PN-1541-L13843
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan dan garis masa bagi pindaan Akta Perhimpunan Aman 2012 untuk memudahkan pelaksanaan perhimpunan, serta adakah benar bahawa individu yang menyertai perhimpunan aman boleh dipanggil untuk sesi soal siasat tanpa notis.
63. PN-1541-L13626
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah peruntukan bagi projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Sabah untuk menyelesaikan masalah bekalan air di negeri tersebut.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|--|---------------------------------------|
| 1. | (D.R.2/2025) | Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali
Yang
Kedua |
|----|----------------|--|---------------------------------------|

**[Menteri Perumahan dan Kerajaan
Tempatan]**

- | | | | |
|----|-----------------|--|---------------------------------------|
| 2. | (D.R.10/2025) | Rang Undang-undang Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025 | Bacaan Kali
Yang
Kedua |
|----|-----------------|--|---------------------------------------|

[Menteri Ekonomi]

- | | | | |
|----|-----------------|---|---------------------------------------|
| 3. | (D.R. 9/2025) | Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 | Bacaan Kali
Yang
Kedua |
|----|-----------------|---|---------------------------------------|

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
D.N. 4/2025	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Tatakelola, Integriti dan Antirasuah, Majlis Mesyuarat Dewan Negara	25 Mac 2025